

SIARAN MEDIA

10 September 2020

Untuk Siaran Segera

IWK DAN MNS TANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNTUK MENAMBAHBAIK “KHAZANAH RIMBA”

KUALA LUMPUR – Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) telah menandatangani memorandum persefahaman untuk menambahbaik projek hutan bandar yang dikenali sebagai “Khazanah Rimba” di Taman Rekreasi Pantai Eco Park, Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Kerjasama di antara syarikat pembedungan nasional dan badan bukan kerajaan ini akan mengukuhkan potensi penggunaan semula bi-produk kumbahan dalam memulihara alam sekitar.

Seiring dengan majlis menandatangani MOU ini, IWK dan MNS melancarkan kempen menanam pokok hutan yang dikenali sebagai “*Adopt a Tree*”, di mana individu, kumpulan atau syarikat swasta boleh menderma dan MNS akan menanam serta menjaga pokok tersebut di Pantai Eco Park. Menerusi usahasama ini, IWK akan menyediakan kemudahan, bahan-bahan keperluan, kemahiran pengurusan dan industri untuk menyokong usaha MNS dalam perkembangan hutan bandar. Sebanyak 500 pokok dijangka akan ditanam sehingga akhir tahun ini.

Bio-pepejal yang dihasilkan menerusi proses rawatan kumbahan, akan digunakan sebagai perapi tanah untuk tanaman pokok hiasan. Projek ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada spesies fauna dan mengubah taman tersebut untuk menjadi taman komuniti dan pendidikan.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, “Dalam usaha mencapai visi kami, IWK amat mengalu-alukan penyertaan daripada semua pihak untuk sama-sama bekerjasama dan menerokai pelbagai potensi pertumbuhan ekonomi dan sosio-ekonomi. Oleh yang demikian, kerjasama antara IWK dan MNS dapat berfungsi sebagai landasan terbaik bagi industri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk berganding tenaga dan kepakaran mempelopori industri pembedungan.

“Sebagai salah satu NGO yang terkenal dengan kepakaran dalam pemuliharaan dan perlindungan warisan alam, saya amat yakin bahawa IWK dan MNS dapat bekerjasama dengan baik terutama dalam bidang pembangunan sosial industri pembedungan dan penggunaan semula bi-produk,” tambah beliau.

Presiden MNS, Prof Dr Ahmad Ismail berkata, “Kami sentiasa setia kepada visi kami dalam melindungi dan memulihara alam sekitar. Kami gembira kerana IWK juga mempunyai visi yang sama, dan ini dapat dilihat dengan perkembangan projek hutan Bandar “Khazanah Rimba”. Pelbagai isu membelunggu alam sekitar sekitar kita hari ini, dan jika kita tidak berjaga-jaga, kita boleh kehilangan hadiah yang tidak ternilai ini secara tidak sengaja. Kerjasama inilah yang kami harap dapat dimanfaatkan, di samping dapat memberi kesedaran penting kepada semua pihak.”

Memorandum berkenaan ditandatangani Narendran, bagi pihak IWK dan Prof Dr Ahmad bagi MNS.

IWK telah melancarkan program “Khazanah Rimba”, satu projek hutan mini dalam bandar yang terletak di Pantai Eko Park pada tahun lepas. Program ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk memelihara khazanah hutan kita di samping menjadikan persekitaran bandaraya lebih hijau.

- TAMAT -

PRESS CONTACT UNTUK INDAH WATER KONSORTIUM:

Wan Esuriyanti esuriyanti@iwk.com.my (012-271 8095)

Joseph Cheong josephc@iwk.com.my (012-299 4135)

PRESS CONTACT UNTUK MALAYSIAN NATURE SOCIETY:

I S Shanmugaraj director@mns.org.my (016-2893912)

Chen Foong Ling wipeoutwaste@mns.org.my (017-2553320)

MENGENAI INDAH WATER KONSORTIUM

Indah Water Konsortium Sdn Bhd ('IWK') ialah sebuah syarikat perkhidmatan pemetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pemetungan untuk 26 juta pengguna. Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan penyelenggaraan 7,000 buah loji olahan awam, 19,775 km panjang rangkaian paip pemetungan bawah tanah. IWK mempunyai modal insan dalam pelbagai bidang, kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK ialah perancangan dan kejuruteraan, perakuan pembangunan sistem pemetungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolegunaan serta khidmat runding pengurusan projek.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.iwk.com.my

MENGENAI PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA (MNS)

Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) merupakan NGO alam sekitar di Malaysia yang mempunyai pengalaman melebihi lapan dekad. Ditubuhkan pada tahun 1940, misi MNS adalah untuk mempromosikan pemuliharaan warisan alam di Malaysia. Misi tersebut diterjemahkan kepada tiga bahagian teras – memulihara spesies dan habitat atau tapak, mempromosikan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) dan menyumbang kepada reformasi dasar nasional dan antarabangsa. Pada masa ini, MNS mempunyai lebih daripada 2,500 ahli, 14 cawangan yang dikendalikan oleh sukarelawan, menguruskan lapan Pusat Pendidikan Alam dan pelbagai projek-projek pendidikan pemuliharaan/alam sekitar serta kakitangan seramai 35 orang. MNS juga sangat menyokong usaha menghijaukan dan memulihkan landskap-landskap bandar dan hutan melalui penanaman pokok asli. Sejak 2000 sehingga kini, MNS telah bekerjasama dengan pelbagai pihak-berkepentingan untuk menanam lebih daripada sejuta pokok di Malaysia. MNS telah dianugerahkan Merdeka Award (2008, Environment), UNEP Global 500 Award, BirdLife Partnership Award (2008) dan The BrandLaureate CSR Brand Leadership Award (2018) untuk sumbangan persatuan terhadap pemuliharaan alam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.mns.my